

## **PEMIKIRAN DALAM NOVEL SEBALIK YAMASHITA DAN PERCIVEL**

**Marzalina Mansor**

**Nor Hafidah Ibrahim**

**Hasmawati Hassan**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

**ABSTRAK:** Pemikiran pengarang merupakan salah satu aspek penting dalam kajian sastera. Pemikiran pengarang juga merupakan rangkuman idea pengarang yang beridentiti tersendiri untuk mengupas segala pemasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Isu yang ditonjolkan adalah gambaran dan rangkuman warna-warna kehidupan manusia yang disusun dan dizahirkan dalam bentuk baris-baris ayat sehingga menjadi satu naratif yang lengkap dan sempurna. Lantaran itu, kajian ini adalah untuk mengkaji aspek pemikiran pengarang dalam novel Sebalik Yamashita dan Parcivel karya Shaari Isa yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia pada tahun 2015. Aspek pemikiran pengarang dalam novel ini dikaji dan dianalisis secara kualitatif. Kajian mendapati pemikiran yang cuba ditonjolkan oleh pengarang ialah pemikiran kolonialisme dan imperialism, pemikiran politik dan kepimpinan, dan yang ketiganya ialah pemikiran sejarah. Seterusnya, bagi melengkapkan nilai yang terkandung dalam novel ini, kajian mendapati pengarang mendedahkan gambaran masyarakat dan permasalahan yang ditonjolkan bagi melengkapkan informasi yang terkandung dalam novel ini. Kajian ini penting untuk mendedahkan pemikiran dan stil yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya, khususnya novel.

**KATA KUNCI:** pemikiran, karya sastera, naratif, kepimpinan, dan masyarakat

### **PENGENALAN**

Kemunculan genre novel dalam membantu membangunkan perkembangan dunia sastera tidak dapat dinafikan. Hal ini demikian kerana, novel sedikit sebanyak membantu masyarakat umum dalam aspek pembangunan minda. Bertepatan dengan pandangan Jumali Hj. Selamat (2009), bahawa penghasilan sesebuah karya adalah rangkuman fikiran pengarang yang diluahkan secara bertulis atau lisan yang berkaitan dengan kepelbagaiannya kehidupan manusia dan juga alam yang diadun sebatи bersama pengalaman dan dihiasi dengan imaginasi dan kreativiti. Apabila menyebut tentang pembangunan minda, kita tidak boleh lari dari aspek pemikiran yang menjadi tunjang utama atau tiang seri dalam kerangka dasar sesebuah novel. Pemikiran adalah suatu usaha pengarang mencari idea dalam mengatasi permasalahan tertentu yang dihadapi oleh anggota masyarakat dengan tujuan memperolah pelbagai pemerhatian dan pertimbangan, disamping harapan. Pemikiran ini juga bersifat falsafah dan saintifik. Seterusnya menurut pandangan Asmah Hj. Omar (1986) pula, pemikiran adalah sebagai satu keadaan atau situasi yang memaparkan kepelbagaiannya gambaran atau citra yang mempunyai konsep abstrak atau tersirat dan perkaitan antara peringkat inilah yang akan menjadi tumpuan dan perhatian.

Merujuk pandangan Ezzah'Afifah dan Che Ibrahim (2015), pemikiran ialah idea cendikiawan yang terhasil daripada penggunaan akal dalam memikirkan sesuatu pemasalahan yang berlaku dalam diri dan masyarakat yang bersifat tanggapan dan tertib serta menjadi pegangan. Zainal Kling (1989) pula, menyatakan bahawa pemikiran adalah satu aktiviti atau kegiatan dengan tujuan membentuk satu sistem tanggapan yang akan menjadi dasar atau rangka berfikir oleh masyarakat. Seterusnya, Othman Puteh (1983) berpendapat bahawa pemikiran merupakan teras kepada ketamadunan sesuatu bangsa. Letaknya status ketinggian sesuatu bangsa itu mencetuskan pemikiran yang menjadi tunjang utama kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan

menganalisis diri. Pemikiran juga merupakan intipati yang tercetus oleh akal fikiran dalam menyelesaikan persoalan atau permasalahan dalam kehidupan masyarakat. Berikutnya menurut pandangan Habibah Alias dan Rahil Mahyudin (1990) mentakrifkan pemikiran adalah satu proses manusia memanipulasikan perkara-perkara yang berkaitan dengan persekitaran. Proses ini adalah proses kognitif. S. Othman Kelantan (1989) menyatakan bahawa pemikiran berkait rapat dengan akal. Akal atau *mind* akan menjadi fakulti segala kegiatan atau aktiviti berfikir manusia yang menjadi punca pelbagai bentuk pemikiran manusia. Isu atau permasalahan pula ialah merujuk kepada persoalan yang cuba ditonjolkan oleh pengarang. Isu ini akan menjadi pelengkap kepada kewujudkan pemikiran yang terdapat dalam hasil karya yang dikaji. Isu ini biasanya berkisar kepada ruang lingkup ekonomi, sosial dan politik masyarakat.

Kajian berkaitan dengan aspek pemikiran dalam novel bukan sesuatu yang baru, malah sudah banyak kajian yang telah dibuat dengan berteraskan pelbagai genre sastera termasuklah novel. Contohnya kajian yang telah dibuat oleh Arba'ie Sujud, Salihah Razak dan Siti Rabiatul Adawiyah Jaafar (2015), kajian berkaitan dengan pemikiran politik dan kepimpinan dalam novel Shahnon Ahmad. Seterusnya kajian oleh Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim (2015) yang berkaitan dengan pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu Tradisional. Berikutnya kajian yang telah dibuat Ezzah'Afifah Nasrudin dan Che Ibrahim (2015), berkaitan dengan pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara dan kajian yang dibuat oleh Masrizayu Mustafa (2006) telah memfokuskan kepada pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim.

Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti aspek pemikiran yang terkandung dalam novel 'Sebalik Yamashita dan Parcivel' karya terbaru Shaari Isa. Aspek pemikiran merupakan perkara teras yang perlu dikaji dan diteliti. Hal ini kerana, aspek pemikiran juga merupakan prasyarat untuk meletakkan nilai sesebuah karya itu berada pada tatatingkatnya yang tersendiri. Kehadiran Shaari Isa dalam bidang penulisan bukan sesuatu yang asing dalam arena dunia sastera di tanah air. Beliau dilahirkan pada 18 April 1933 di Bedong Kedah. Dalam kenyataannya yang dipetik melalui Utusan Online oleh Meran Abu Bakar (2013), beliau menulis adalah bukan kerana nama atau anugerah semata-mata, malah kerana minat yang mendalam dan cinta yang tidak pernah pudar terhadap ilmu pengetahuan. Beliau telah menulis lebih daripada 60 buah buku akademik, novel, artikel perakaunan dan kemasyarakatan. Dalam usia 83 tahun dan telah lama bersara dalam dunia kerjaya, beliau tetap aktif menulis dan menyumbang idea melalui mata pena. Shaari Isa adalah tokoh yang tidak ada galang gantinya dalam dunia penulisan dan pendidikan. Beliau merupakan individu yang pertama mengajar mata pelajaran sains dalam bahasa Melayu. Kemudian nota dan bahan-bahan pengajarannya ini telah dijadikan buku teks sains dalam bahasa Melayu. Selain itu juga, Shaari Isa pernah menghasilkan buku perakaunan bahasa Melayu pertama yang diterbitkan di negara kita. Jelas, ini adalah bukti jasa bakti Shaari Isa dalam dunia pendidikan.

Dalam dunia penulisan dan sastera pula Shaari Isa juga merupakan penulis terkenal dengan hasil karya yang cukup mengagumkan iaitu sebuah novel yang bertajuk Lepaskan Kembali Aku ke Laut. Novel ini mengandungi 1-3 jilid dan telah diadaptasi sebagai sebuah drama yang penuh dengan simbolik. Antara karya beliau yang lain ialah 'Kampung Kirkby', 'Aku Tak Rela Diperhambakan', 'Berbasikal ke Artik' dan 'Projek PLS'. Kegigihan dan keyakinan, cinta dan minat beliau dalam bidang penulisan telah menjadikan Shaari Isa masih gagah berjuang untuk berkarya.

Bukti kesungguhan dan semangat juang yang tinggi dalam berkarya, Shaari Isa telah berjaya menghasilkan sebuah novel yang sarat dengan persoalan cinta, sejarah, penjajahan dan mengutarakan pelbagai isu masyarakat zaman penjajahan di Tanah Melayu iaitu novel 'Sebalik Yamashita dan Parcivel' yang telah diterbitkan oleh Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2015. Sastera Berita Harian (2015) telah meletakkan novel ini antara 10 novel terbaik bagi tahun 2015. Pernyataan ini sedikit sebanyak telah memberi kekuatan kepada Shaari Isa untuk meletakkan karya beliau sebaris dengan pengkarya terkenal yang lain.

Berdasarkan isu-isu yang telah dinyatakan inilah, pengkaji merasakan perlu untuk menjalankan kajian dan penelitian berkaitan dengan novel 'Sebalik Yamashita dan Parcivel' yang ingin difokuskan kepada aspek pemikiran. Hal ini demikian kerana, novel ini adalah novel karya terkini Shaari Isa dan pengkajiannya masih belum meluas serta perlu diberi kecaknaan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif penyelidikan ini adalah bertujuan merungkaikan beberapa perkara tertentu iaitu:

1. Mengenalpasti aspek pemikiran yang diutarakan oleh pengarang khususnya dalam novel yang telah dipilih.
2. Membincangkan gambaran masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang dalam novel yang dipilih.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini akan menjelaskan tentang beberapa persoalan berikut:

1. Apakah aspek pemikiran yang telah paparkan oleh pengarang dalam novel yang dipilih.
2. Apakah gambaran masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang dalam novel yang dipilih?

## **BATASAN KAJIAN**

Batasan kajian diperlukan untuk memperjelaskan skop kajian yang akan dijalankan. Kajian ini membataskan kepada novel terbaru karya Shaari Isa yang bertajuk 'Sebalik Yamashita dan Parcivel'. Kajiannya lebih berfokuskan kepada aspek pemikiran yang terakam dalam novel ini dan juga gambaran masyarakat yang ditimbulkan oleh pengarang untuk menjadi santapan kepada pembaca.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah penting untuk melihat unsur-unsur yang cuba diketengahkan oleh pengarang bagi mewakili aspek pemikiran dan isu atau pemasalahan yang mendokong kepada perkembangan plot novel ini. Kajian ini penting untuk memperjelaskan kepada pembaca, serta memberi informasi penting tentang sejarah perang dunia kedua yang terakam megah di dalam novel ini. Kajian ini juga penting, sebagai wahana pengarang untuk memberi gambaran yang jelas kepada pembaca khususnya generasi kini yang jahil tentang nilai sejarah tanah tanah air. Selain itu, bertujuan untuk menyampaikan secara tersurat dan tersirat tentang nilai dan pengajaran yang terkandung dalam novel ini.

Sesuai dengan permasalahan berkaitan dengan pemikiran dalam novel, kajian ini melaksanakan penelitian berdasarkan analisis kualitatif. Penelitian kualitatif bersifat deskriptif. Pengkaji membuat pembacaan terhadap novel yang dipilih, mencatat data berdasarkan kata-kata, ayat, wacana dan sebagainya bahan bukti hasil penemuan fakta yang boleh dikaitkan dengan aspek pemikiran. Kajian ini juga diperkuuhkan dengan kajian perpustakaan dan internet. Buku, jurnal dan kamus akan dijadikan panduan rujukan dan sokongan bagi mengukuhkan hujah dan dapatan kajian.

## **NARATIF NOVEL SEBALIK YAMASHITA DAN PARCIVEL**

Novel ini ialah sebuah prosa kreatif oleh Shaari Isa yang diterbitkan pada tahun 2015 berhalaman 332 oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM). Novel ini berkaitan dengan kehidupan masyarakat di Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai bangsa pada era penjajahan iaitu perang dunia kedua. Novel ini boleh dikatakan sebagai pasak dalam sejarah Perang Dunia Kedua yang sudah jelas memberi kesan yang cukup dahsyat bagi seluruh Tanah Melayu khususnya. Novel Sebalik Yamashita dan Parcivel adalah secara simboliknya pengarang meletakkan nama dua tokoh besar dalam peperangan di Tanah Melayu. Yamashita ialah lambang kuasa Jepun yang digeruni manakala Parcivel adalah lambang kekuatan dan kuasa British. Pengarang novel ini bijak mengambil ruang masa atau *setting* Perang Dunia Kedua dengan menyelitkan kisah cinta dan peperangan. Kisah cinta dan peperangan adalah sesuatu yang bertentangan. Namun melalui novel ini pengarangnya telah mengadun dan menjadikannya sebagai sebatian yang cukup kukuh dan utuh.

Kisah ini berlaku semasa Tanah Melayu berada dalam tangan penjajahan British. Perang dunia kedua telah memperlihatkan kebangkitan Jepun sebagai kuasa baru dan digeruni. Jepun menyasarkan Tanah Melayu

sebagai lokasi yang akan ditakluki demi mendapatkan bahan mentah dan mengaut segala sumber kekayaan yang ada di Tanah Melayu serta untuk menjatuhkan kuasa Barat. Disebalik lakaran cerita Tanah Melayu diambah gengaman Jepun pengarang cukup bijak mengadunkan dengan teliti, terperinci menyelitkan kisah cinta murni antara Hazel dan James. Hazel wanita Inggeris isteri kepada Richard seorang pengurus Ladang *Dunlop* di Sungai Petani. Malah peperangan juga akan menyebabkan manusia akan dibelenggu dengan penderitaan berpanjangan yang sukar diukur dan disukat tahap keperitannya. Namun disebalik peperangan dan kebencian tersebut masih ada cinta, kasih sayang dan hubungan yang erat antara sesama manusia tanpa mengira batas agama dan sempadan.

Kajian tentang pemikiran yang mendasari sebuah novel amat wajar dilakukan. Hal ini demikian kerana, setiap novel yang ditulis sudah semestikan mengandungi pelbagai persoalan atau isu yang disampaikan oleh pengarang secara tersirat yang sukar diterjemahkan oleh pembaca secara zahirnya. Target utama pengarang adalah untuk menyampaikan mesej kepada pembaca melalui karya yang persempahan. Mesej yang disampaikan ini akan mempengaruhi perkembangan minda pembaca. Sehubungan dengan itu, kajian ini sedikit sebanyak adalah untuk mengupas segala persoalan yang diketengahkan oleh pengarang dan seterusnya untuk memperjelaskan lagi fokus kajian yang berkaitan dengan pemikiran yang menjadi pasak kepada binaan sebuah novel.

## **KAJIAN BERKAITAN**

Kajian berkaitan dengan novel telah banyak dilakukan oleh pengkaji, yang mengkaji dalam pelbagai aspek. Antara kajian yang telah dilakukan ialah berkaitan dengan pemikiran, teori, nilai, pengajaran, persoalan dan sebagainya. Berikut adalah kajian yang pernah dilakukan, antaranya ialah berkaitan dengan Pemikiran dalam Novel-novel Khadijah Hashim (2006), Kajian Semiotik dalam Novel-novel Mochtar Lubis (2008), Nasionalisme dalam novel Siti Nurbaya karya Marah Rusli (2010), Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepimpinan dalam novel Shahnon Ahmad (2015) dan sebagainya.

Antara kajian yang pernah dilakukan berkaitan kajian pemikiran dan isu dalam novel ialah kajian oleh Siti Khairiah Mohd Zubir dan Norol Nizam bin Sarkawi (2011) yang bertajuk Pemikiran Pengarang dalam Novel Jeriji Kasih karya Ramlah Abdul Rashid. Berdasarkan kajian ini pemikiran yang ditimbulkan oleh pengarang adalah melalui diri pengkarya itu sendiri dan juga melalui watak-watak yang mendokong perkembangan plot cerita novel ini. Dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepada 4K (SPB4K), kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemikiran pengarang yang berkait rapat dengan masyarakat, karya dan pembaca. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Siti Khairiah Mohd Zahir dan Nur Aisyah Abdullah (2014) yang bertajuk Pemikiran Khadijah Hashim dalam novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk Membangunkan Sahsiah Belia. Kajian ini juga menggunakan teori yang sama. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemikiran penulis dalam pembangunan sahsiah belia dalam karya yang terpilih ini dan juga untuk menganalisis pemikiran penulis dalam karyanya untuk membangunkan sahsiah belia.

Berikutnya kajian oleh Arba'ie Sujud, Salhah Razak dan Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015). Kajian berkaitan dengan politik dalam novel ada juga dinyatakan dalam kajian yang telah dibuat oleh Che Abdullah Che Ya (2015). Tajuk kajian ini ialah Bayangan Wacana Politik dalam Karya Sastera : Analisis Novel Kawin-kawin. Dalam kajian ini memperlihatkan karya sastera dihasilkan sebagai maklum balas terhadap peristiwa politik yang berlaku. Novel kawin-kawin adalah hasil karya Azizi Haji Abdullah. Isu yang cuba dipaparkan dalam novel ini ialah berkaitan dengan pertentangan ideologi dalam masyarakat Melayu, penyalahgunaan kuasa pemimpin, rasuah, kronisme, isu agama yang dipolitikkan dan tentang imej ahli politik. Dapatkan penelitian kajian ini ialah pengarang telah menggunakan pemasalahan politik semasa dalam wacana novel ini.

Selain aspek pemikiran, kajian novel juga ada berkaitan dengan pelbagai isu atau pemasalahan. Contohnya kajian yang dibuat oleh Faziela Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhamad Afendi (2016) yang bertajuk Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih. Kajian ini membincangkan tentang konflik remaja yang terdapat dalam 3 buah novel terpilih iaitu novel Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah, novel 6:20 karya Jasmina Ibrahim dan novel Merenang Gelora karya Ruslan Ngah. Objektif kajian ini ialah mengklifikasikan jenis-jenis konflik yang terdapat dalam novel yang dikaji dan menganalisis jenis-jenis konflik yang terdapat dalam novel tersebut. Dalam menganalisis kajian ini, pengkaji menggunakan Teori Humanistik Abraham Maslow. Hasil

dapatkan kajian ini, secara keseluruhannya teks ini ada mempersoalkan tentang konflik keluarga, konflik diri, dan konflik rakan sebaya. Kesemua konflik yang membengelu diri watak mampu ditangani dengan bijaksana oleh remaja yang berkonflik.

Sorotan karya yang berikutnya oleh Mohd Daud Ibrahim dan Rohaidah Kamarudin (2015) bertajuk Mesej Pengarang: Satu Penelitian Terhadap Novel Anak Titiwangsa Karya Sasterawan Negara Kris Mas. Kajian ini adalah membincangkan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang dengan menggunakan Teori Konseptual. Merujuk kepada teori ini mesej pengarang dibincangkan berdasarkan tiga prinsip Teori Konseptual iaitu prinsip kepengaruan, prinsip pemilihan kata dan prinsip kesan. Kajian ini mendapatkan, mesej pengarang adalah berkaitan dengan kepentingan dalam menuntut ilmu.

Kajiannovel berikutnya oleh Rosma Derak (2014) yang bertajukMendekonstruksi Sejarah dalam Novel 1515 : Satu Penulisan Semula daripada Perspektif Golongan Subaltern.Kajian ini menggunakan satu kaedah yang telah diperkenalkan oleh Ranajit Guha iaitu kaedah yang berkaitan dengan subaltren (Deconstructing Historiography). Kaedah adalah kaedah menulis semula sejarah yang baharu daripada perspektif baharu. Didapati daripada kajian ini bahawa novel 1515 merupakan novel pascakolonial yang mengangkat suara golongan subaltern dengan menjungkirbalikkan semula sejarah Melaka 1511. Melaka jatuh ke tangan Portugis. Namun melalui novel ini Faisal Tehrani mengubah olahan dan faktanya dengan memberi kekalahan kepada Portugis dan kemenangan kepada Melaka.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian-kajian lepas telah banyak pengkaji membuat kajian berkaitan dengan novel. Semua kajian ini adalah berkaitan dengan pemikiran dan isu atau pemasalahan yang terdapat dalam novel yang terpilih. Setiap pemikiran dan isu yang diutarakan adalah berbeza mengikut keutamaan dan dominasi yang wujud di dalam novel tersebut. Pemikiran dan isu yang menjadi pasak dalam sesebuah novel akan menjadikan sesebuah karya itu lebih bernilai kerana di dalamnya terkandung pelbagai ilmu dan menjadi utusan kepada pembaca. Oleh itu, kajian ini cuba meneroka pemikiran Shaari Isa dalam karya terbaru beliau, yang berkisar tentang cinta dan perperangan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian teks novel ‘Sebalik Yamashita dan Parcivel’ karya Syaari Isa. Kajian ini melibatkan analisis secara kualitatif. Novel mengandungi 17 bab ini akan dikupas berkaitan dengan aspek pemikiran dan gambaran masyarakat yang diketengahkan oleh pengarang. Bagi mendapatkan data kajian, novel ini akan diteliti oleh pengkaji melalui proses pembacaan teks. Berdasarkan pembacaan, pengkaji akan mengenal pasti aspek pemikiran yang cuba ditonjolkan oleh pengarang dan menganalisis aspek pemikiran yang terdapat dalam novel. Pengkaji mengenal pasti gambaran masyarakat yang dipaparkan, mencatat dan menyenaraikan bukti yang ada dalam novel berdasarkan peristiwa yang digambarkan oleh pengarang.

Kajian teks ini diperkuuhkan dengan kajian kepustakaan dan internet. Bahan bacaan atau bahan rujukan seperti jurnal, kamus dan buku sebagai sumber rujukan dan panduan utama bagi mengukuhkan hujah dan kajian. Segala butiran yang terkandung didalam teks, akan disesuaikan dan dipadankan dengan topik atau skop kajian yang akan dihasilkan.

## Data Kajian

Data akan dikutip dengan mengenal pasti data pembacaan teks novel yang dipilih. Disebabkan novel ini berlatarkan perperangan dunia kedua, pengkaji akan menfokuskan kajian berkaitan dengan pemikiran pengarang dalam novel yang dipilih. Data yang berkaitan dengan isu atau pemasalahan yang telah dikenal pasti, akan dikategori dan dianalisis kepada jenis-jenis pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang. Selain itu kajian ini juga akan memfokuskan kepada isu sampingan yang berkaitan dengan gambaran masyarakat yang terdapat novel tersebut.

Secara jelasnya, aspek pemikiran merujuk kepada kebolehan akal sebagai aset tertinggi dalam setiap individu untuk melahirkan kepelbagai emosi dan imaginasi.

## **ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

### **Pemikiran Kolonialisme dan Imperialisme**

Merujuk kepada novel ‘Sebalik Yamashita dan Parcivel’ novel ini secara jelas ialah novel yang berlatarkan zaman perang dunia kedua. Pengarang berjaya memaparkan aksi penjajahan atau aksi kolonialisme di Tanah Melayu iaitu aksi kolonial Inggeris dan aksi kolonial Jepun. Pada waktu tersebut, perang dunia, penaklukan, persaingan dan peluasan kuasa menjadi sasaran utama bagi kuasa-kuasa besar seperti British, Perancis, Jerman, Amerika dan Jepun. Dalam novel ini menggambarkan;

“Hal tentang perang dunia yang menjadi kebimbangan Richard Carter itu bertitik tolak daripada hasrat tentera Jepun untuk menakluki dunia berasaskan suatu dokumen rahsia yang dikenal dengan nama “Peringatan Tanaka” .....

(hal. 10)

“Sejak jatuhnya tanah jajahan Perancis di Indo-China ke tangan tentera Jepun, pihak berkuasa British di London semakin bimbang akan keselamatan di Asia Tenggara. Lalu mereka merancang untuk menghantar dua buah kapal perang, iaitu HMS Prince of Wales dan HMS Repulse ke perairan Semenanjung Tanah Melayu”

(hal. 29)

Daripada petikan di atas jelas membuktikan bahawa pada masa perang dunia kedua kuasa Barat adalah kuasa besar yang telah berjaya melebarkan pengaruh dan kuasa mereka ke seluruh dunia. Kemunculan Jepun sebagai kuasa Asia baru cukup memberi impak kepada mereka kerana sedikit sebanyak telah menggoyahkan kedudukan dan kekuasaan mereka.

Kejayaan kuasa Jepun menakluki Tanah Melayu melalui perancangan dan strategi yang teliti telah menggugat kedudukan British di Tanah Melayu. Kuasa British terpaksa berundur buat seketika. Ramai pegawai dan orang-orang British ditangkap oleh pihak Jepun sebagai tawanan. Ada juga yang terpaksa bersembunyi untuk menyelamatkan diri. Jepun telah berjaya melumpuhkan kuasa British di Tanah Melayu.

“Pertahanan di sepanjang pantai di utara Semenanjung Tanah Melayu sudah lumpuh, Tuan... dan seluruh Kota Bharu sudah pun jatuh ke tangan Tentera Jepun, tentera kita terpaksa berundur,” ujar Lettenan Jeneral Parcivel.”

(hal. 193)

Petikan di atas membuktikan bahawa kuasa besar British sendiri pun tidak menyangka tentang kekuatan kuasa Asia Jepun. Dengan berbekalkan strategi yang cukup teliti, Jepun telah bangkit sebagai kuasa baru di Asia. Tindakan Jepun menakluki dan merampas Tanah Melayu telah meninggalkan parut hitam kepada kuasa penjajah Barat, iaitu British.

Kesan daripada kolonialisme Jepun ke atas Tanah Melayu juga, pengarang menggambarkan masyarakat di Tanah Melayu telah berdepan dengan situasi imperialisme iaitu kekejaman, penindasan, exploitasi, kemusnahan dan kematian. Kesan ini meninggalkan parut hitam dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu ketika itu.

“ Sebaik-baik sahaja telefon diletakkannya, Mat seperti hilang akal kerana terlalu sedih, terkejut dan keciwa. Segera dia melutut dan menunduk di atas lantai lalu menangis teresak-esak. Mayat cikgu Melan bersama-sama tiga orang pelajar yang meninggal dunia, termasuklah Lina dikebumikan pada awal pagi keesokan harinya. Jenazah dan upacara pengebumian mereka diciarahi hampir semua penduduk Kampung Pantai dalam suasana sedih dan terkejut.”

(hal. 206)

Petikan di atas adalah bukti kepada kesan aksi kolonialisme dan imperialism kuasa Inggeris dan Jepun. Jiwa dan raga masyarakat tertekan dengan situasi kronik yang diwujudkan oleh sikap tamak kuasa besar seperti Inggeris dan Jepun. Mereka menjajah, menindas dan mengeksplorasi dan yang menjadi mangsanya adalah masyarakat di Tanah Melayu khususnya orang-orang Melayu yang merempat di tanah air sendiri. Pengarang memberi gambaran masyarakat berada dalam konflik kejiwaan yang cukup parah diselubungi dengan perasaan sedih, terkejut, takut, dan kebimbangan apabila berlakunya kemusnahan dan kematian kesan daripada perang. Di bawah ini dipaparkan gambaran masyarakat yang ada di tanah Melayu pada ketika itu. Masyarakat digambarkan dalam novel ini terdiri daripada masyarakat Inggeris, Cina, India dan Melayu.

### **Gambaran Kemasyarakatan**

Bila membincangkan tentang kajian novel, kita tidak boleh lari dari aspek gambaran masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang. Gambaran masyarakat ini kebiasaannya menjadi teras kepada pemikiran pengarang. Gambaran masyarakat ini lazimnya berkaitan dengan kehidupan positif dan negatif yang terdapat dalam novel yang dipilih ini. Dengan kata lain gambaran masyarakat adalah cerminan masyarakat sezaman yang menjadi cetusan idea, dan pengalaman pengarang untuk sebuah novel.

#### **Masyarakat Inggeris**

Dengan merujuk kepada novel Sebalik Yamashita dan Percivel, gambaran masyarakat yang terkandung dalam novel ini adalah terdiri daripada kepelbagaian watak dari pelbagai kaum. Pengarang bijak menyusun pelbagai tatatingkat lapisan masyarakat sebagai watak yang menggerakkan perkembangan plot cerita. Antaranya ialah masyarakat Inggeris yang berperanan besar dalam pentabiran dan juga dalam perkembangan ekonomi Tanah Melayu. Contohnya adalah watak suami isteri Richard dan Hazel. Richard berperanan sebagai pengurus Ladang Getah Sungai Tukang.

“ Apakah maksud tua dan muda pada pandanganmu, Richard?” soal Hazel kepada suaminya, Richard Carter merupakan pengurus Ladang Getah Sungai Tukang, iaitu ladang milik Dunlop yang terletak di pinggir bandar Sungai Petani”.

(hal.1)

Hazel dan Richard Carter adalah dua watak penting dalam novel ini yang banyak mempengaruhi perkembangan plot novel ini. Dua watak ini terlibat dengan konflik cinta tiga segi yang merancakkan lagi perjalanan plot novel ini.

Pada bahagian perkembangan plot novel ini, Pengarang novel ini menggambarkan masyarakat Inggeris ini juga terlibat dengan konflik atau kepincangan sosial yang tersendiri. Konflik tersebut ialah berkaitan dengan masalah cinta dan kecurangan. Buktinya isteri Richard, Hazel dalam diam telah jatuh hati dengan James pegawai Inggeris yang mengurus pengangkutan feri Pulau Pinang. Kali pertama pertemuan mereka semasa Hazel dan Richard menaiki Feri Pulau Pinang, Hazel telah jatuh hati dengan James. Begitu juga dengan James, mereka dalam diam sama-sama tertarik dan jatuh hati. Semasa ambang Perang Dunia Kedua, Hazel dan James telah menjalinkan hubungan cinta rahsia mereka. Mereka bertemu dan bermesra tanpa pengetahuan Richard. Sebagai seorang isteri dan seorang yang taat pada agama Hazel tidak sepatutnya bertindak sedemikian. Hazel tidak sepatutnya curang terhadap Richard. Begitu juga James, beliau tidak sepatutnya bertindak di luar batas pergaularan dan menjalinkan hubungan dengan Hazel. Hal ini kerana, James sendiri sudah mengetahui status Hazel sebagai isteri kenalannya iaitu Richard.

Hazel beranggapan suaminya Richard tidak mengetahui perhubungan tersebut, tetapi sebaliknya yang berlaku. Richard dapat mengetahui dan merasai wujudnya cinta antara isterinya Hazel dengan James kenalan barunya. Namun, Richard bertindak hanya mendiamkan diri sahaja. Pada akhir cerita barulah Richard berterus terang bahawa dia mengetahui perhubungan Hazel dengan James dalam sepucuk surat yang dihantar kepada Hazel. Malah Richard sendiri mengakui dan merestui percintaan isterinya itu dan sanggup melepaskan Hazel. Buktinya adalah seperti petikan surat berikut:

"Aku rasa kau selalu dibayangi keraguan akan restu Tuhan terhadap perkahwinan kita yang tidak dilakukan mengikut adat dan kesempurnaan di gereja Katolik. Tetapi aku rasa keraguan itu surut perlahan-lahan dan hilang begitu sahaja. Tetapi tampaknya perasaanmu mula tergugat oleh kemunculan James. Tanpa pengetahuan mu, aku mula merasakan bahawa perasaan mu terhadapku mula goyah sejak kau bertemu dengannya. Mungkin kau tertarik kerana dia juga beragama katolik sepertimu atau mungkin kerana sebab lain. Walau bagaimanapun, perasaanmu terhadap James tidak dapat kau sembunyikan. Semua dapat kulihat daripada sinar mata dan air mukamu ketika kita bersama-sama denoanna"

(hal. 314)

Daripada petikan surat di atas jelas menampakkan bahawa, Richard adalah seorang suami yang penyayang dan terlalu memahami. Dia seorang yang tenang walaupun mengetahui kecurangan isterinya malah dia menyelesaikan masalah tersebut dalam keadaan yang rasional dan matang tanpa adanya perbalahan antara mereka. Richard melakukan pengorbanan yang besar untuk isterinya yang tercinta dengan melepaskan Hazel walaupun ketika itu Richard baharu sahaja kembalik daripada menjadi buruh paksa Jepun di Burma. Percintaan antara Hazel dengan James terputus buat seketika kerana berlakunya perang. Namun selepas Perang Dunia Kedua percintaan mereka bersatu kembali.

#### **Masyarakat India**

Seterusnya kesan daripada kolonialisme dan imperialism Inggeris, gambaran masyarakat yang diwujudkan oleh pengarang ialah masyarakat India yang dibawa oleh Inggeris untuk bekerja sebagai buruh ladang. Antara watak masyarakat India yang digambarkan ialah watak Chellah. Buktinya berdasarkan petikan berikut:

"Seperti biasa, Richard turut membawa bersama-sama pengawas ladang bernama Chelliah. Chelliah berkulit hitam dan bertubuh kecil. Rambutnya yang kerinting dan sedikit beruban itu dipotong pendek.... sama seperti pekerja yang lain, Chelliah berasal dari Selatan India, dibawa masuk ke Semenanjung Tanah Melayu oleh British dengan ganjaran yang kecil".

(hal. 32)

Daripada petikan di atas jelas memaparkan orang-orang India dibawa masuk ke Tanah Melayu adalah untuk memenuhi kerja sebagai buruh ladang. Mereka dibayar gaji yang murah. Hidup dalam kesempitan, kepayahan dan kemiskinan. Akibat desakan dan faktor tolakan negara mereka lebih perit jika dibandingkan dengan Tanah Melayu, jadi mereka terpaksa datang ke Tanah Melayu untuk mencari nafkah sebagai buruh ladang.

Pengarang juga menggambarkan dalam kalangan masyarakat India di Tanah Melayu juga berdepan kepincangan sosial iaitu pergolakan rumah tangga, kecurangan, arak dan sebagainya. Contoh berikut adalah berkaitan masalah kecurangan.

"Berbalik kepada masalah sosial di ladang itu, sudah dua tiga kali juga timbul masalah yang melibatkan perhubungan sumbang lelaki dan perempuan di ladang itu. Baru-baru ini, telah berlaku suatu pergaduhan yang berpunca daripada hubungan sulit yang terjalin antara seorang pekerja lelaki dengan seorang wanita yang sudah berkahwin. Untuk mengatasi masalah itu, terpaksa Richard membuat keputusan memindahkan salah seorang yang terlibat itu keladang lain."

(hal. 34)

Daripada petikan di atas, pengarang membuktikan bahawa masyarakat India yang bekerja sebagai buruh dan hidup di ladang-ladang getah di Tanah Melayu. Golongan ini berdepan dengan konflik antara mereka berkaitan dengan kecurangan antara suami isteri sehingga berlakunya pertengkaran dan pergaduhan antara mereka di dalam kawasan ladang getah.

### **Masyarakat Cina**

Masyarakat berikutnya yang terdapat di Tanah Melayu ialah masyarakat Cina. Kebiasaannya masyarakat ini hidup di bandar dan bekerja sebagai peniaga. Ada juga yang terlibat dengan kongsi gelap, perjudian dan pelacuran serta terlibat sebagai agen parti komunis. Selain daripada kepincangan sosial dalam kalangan masyarakat India, masyarakat Cina juga ada permasalahan yang tersendiri. Masyarakat cina digamabarkan sebagai gologan yang terlibat dengan masalah kongsi gelap peras ugut dan sebagainya.

Permasalahan pertama yang ingin dibincangkan oleh penulis berkaitan dengan gambaran masyarakat Cina adalah berkaitan dengan peras ugut dan kongsi gelap. Bukti petikan adalah seperti berikut:

“Kegiatan peras ugut ini dijalankan secara rahsia. Tidak ada sesiapa pun yang mendedahkan pergerakan dan kegiatan mereka atau memberikan sebarang maklumat tentangnya kepada pihak berkuasa. Mereka memberikan amaran kepada setiap pihak yang menjadi mangsa peras ugut mereka bahawa dalam kalangan pihak berkuasa, yakni polis, terdapat anggota yang bersekongkol dengan mereka kerana mereka itu rakan mereka”.

(hal. 39)

Melalui petikan di atas pengarang memberi gambaran kepada pembaca bahawa kegiatan peras ugut dalam kalangan masyarakat semakin berleluasa. Pergerakan mereka adalah secara senyap dan mendapat sokongan daripada pihak penguasa iaitu polis.

Pemasalahan berikutnya yang berkaitan dengan masyarakat Cina adalah berkaitan dengan isu perjudian. Contohnya adalah seperti petikan di bawah;

“Lim Ba, ketua pergerakan paku, berasal daripada rumah tangga yang porak peranda. Ayahnya peniaga yang berjaya, tetapi ibunya terlekat dengan hobi yang tidak dapat ditinggalkan-berjudi...setiap kali kalah judi, ibunya itu akam meminta wang daripada ayahnya, malah biasa juga dia mengambil wang simpanan mereka”.

(hal.42)

Petikan di atas menjelaskan bahawa masyarakat Cina di Tanah Melayu juga tidak terlepas daripada masalah perjudian. Masalah ini telah menjadi hobi pada peringkat awalnya. Namun setelah sekian lama hobi tersebut telah bertukar menjadi hobi yang sukar untuk dilupakan sehingga pemasalahan ini menjadi lebih kronik dan menjelaskan perhubungan sesebuah keluarga.

Gambaran masyarakat Cina yang terdapat dapat dalam novel Sebalik Yamashita dan Percival ialah tentang masyarakat Cina yang terjebak dalam kancang pelacuran. Contohnya adalah berdasarkan petikan berikut:

“Ibu Ah Kee itu namanya Ah Soo. Pada zaman mudanya, Ah Soo seorang pelacur. Dia memiliki rupa paras yang agak menarik walaupun tidaklah dapat dikatakan cantik. Dengan sedikit kelebihan yang ada pada dirinya itu, dia berjaya dalam pekerjaannya itu. Selepas dua tahun melacur, dia diambil sebagai perempuan simpanan oleh tauke getah yang tinggal di Pulau Pinang”.

(hal.41)

Daripada petikan di atas pengarang telah memberi gambaran bahawa masyarakat Cina ada pemasalahan yang tersendiri iaitu dunia pelacuran dan perempuan simpanan.

### **Masyarakat Melayu**

Seterusnya, pengarang juga menonjolkan gambaran masyarakat Melayu yang hidup penuh dengan kesederhanaan dan pegangan nilai yang kukuh. Masyarakat Melayu dalam novel ini terdiri daripada beberapa golongan. Pertamanya golongan yang terdiri daripada masyarakat penggerak semangat nasionalisme dan patriotisme. Antaranya adalah seperti nama Tunku Abdul Rahman Tunku Abdul Rahman, Zain Tajudin dan Senu Abdul Rahman. Gologan ini adalah gologan muda yang mempunyai semangat, berilmu, dan berpandangan jauh demi masa depan negara. Mereka juga menggerakkan persatuan dan juga aktiviti-aktiviti yang boleh memberi kesedaran kepada masyarakat untuk membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah.

Seterusnya golongan yang kedua, ialah gologan masyarakat Melayu kampung yang hidup penuh dengan nilai keagamaan dan nilai murni. Amalan budaya dan nilai ketimuran tetap kukuh dalam gengaman. Juga dipaparkan amalan tolong-menolong dan bekerjasama. Contohnya watak-watak masyarakat sekampung Mat Rani yang kuat pada pegangan agama Islam, teguh dengan nilai murni dan kuat berpegang kepada adat tradisi. Bukti ini berdasarkan petikan berikut:

“Sebaik-baik sahaja mereka beredar, segera Mat Rani masuk ke dalam biliknya untuk mengambil al-Quran. Kemudian, di sisi isterinya yang sedang nyenyak tidur dan mayat bayinya, Mat Rani membaca Surah Yassin. Setelah selesai, dia melangkah masuk ke dalam biliknya sambil mengelap air mata

(hal.148)

“Seperti yang telah saya katakan beberapa kali, tidak perlu kita mengadakan upacara semacam itu. Itu cara lama. Saya fikir sudah sampai masanya kita berubah kepada cara yang baharu dan yang lebih betul. Saya sedar dari segi adat, kematian selalunya diikuti dengan berlapis-lapis kenduri oleh keluarga simati. Amalan itu membebankan mereka. Semua itu tidak perlu lagi. Cuma datang saja ke masjid dan segala doa boleh kita urus di sini selepas Maghrib sekiranya yang boleh. Tuhan mendengar permohonan kita tanpa perlu diulang dan diulang lagi,” kata Pak Imam Imran”.

(hal.149)

Merujuk kepada dua petikan di atas, jelaslah kepada kita bahawa, pengarang cuba untuk memberi gambaran bahawa masyarakat Melayu amat berpegang teguh kepada ajaran agama. Hidup bersederhana dan penuh dengan nilai-nilai ketimuran. Pengarang cuba mengangkat kedudukan orang Melayu ke tahap yang lebih tinggi dan tersendiri berbanding dengan senario bangsa lain yang penuh dengan konflik dan permasalahan dalam kehidupan.

### **KESIMPULAN**

Dalam pengkajian novel pemikiran amat penting dan bermakna dalam meletakkan ketinggian nilai sesbuah karya sastera. Hasil penemuan yang berkaitan dengan aspek pemikiran akan memberi informasi dan impak yang baik kepada pembaca. Dengan menggunakan metodologi yang bersesuaian akan menghasilkan data-data yang kukuh serta disokong dengan bukti yang sahih berdasarkan teks. Pemilihan teori atau kaedah yang tepat akan menjadikan kajian ini lebih menarik kerana mendapat kesahan yang tinggi dalam dapatan kajian yang telah dibuat. Secara tuntasnya, dapatlah dirumuskan bahawa pemikiran melibatkan proses minda yang mencetuskan idea tentang sesuatu pemasalahan yang secara tidak langsung memaparkan citra masyarakat

yang sebenar. Kebiasaan gambaran masyarakat ini adalah melibatkan diri sendiri atau persekitarannya. Pemikiran yang baik adalah melibatkan pengamatan dan penelitian yang optimum serta bersifat tertib, kreatif dan kritis , mempunyai harapan dan impian untuk mencapai matlamat.

## RUJUKAN

- Arba'ie Sujud, Salhah Razak dan Siti Rabiatul Adawiah Jaffar. (2015). Pemikiran politik: Pemimpin dan kepimpinan dalam novel Shahnon Ahmad. *International Journal of the World and Civilisation*. 3(1), 67-78.
- Asmah Hj. Omar. (1986). *Bahasa dalam alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Che Abdullah Che Ya. (2015). Bayangan wacana politik dalam karya sastera: Analisis Novel Kawin-kawin. *Jurnal Komunikasi* Jilid 31(2), 461-176.
- Ezzah'Afifah dan Che Ibrahim. (2015). Pemikiran Melayu dalam cerita Lipur lara. *Journal of Business and Social Development*. 3 (2): 63-79
- Faziela Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhamad Afendi. (2016). Unsur konflik dalam novel remaja terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 6(1): 52-63.
- Habibah Alias dan Rahil Mahyudin. (1990). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumali Hj. Selamat. (2009). Aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*. Bil. 12 Jun/June 2009 (19 - 37).
- Masrizayu Mustafa. (2006). *Pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Meran Abu Bakar. (2013). Berbakti dengan menulis Utusan Online oleh Meran Abu Bakar. Dicapai pada 30 Jun 2016 daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/sastera/20130606/sa\\_01/Berbakti-dengan-menulis](http://www.utusan.com.my/utusan/sastera/20130606/sa_01/Berbakti-dengan-menulis).
- Mohd Daud Ibrahim dan Rohaidah Kamrudin. (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap novel Anak Titiwangsa karya sasterawan negara Kris Mas. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 3(2), 2015: 17 – 25.
- Rosma Derak. (2014). Mendekonstruksi Sejarah dalam Novel 1515 : Satu Penulisan Semula daripada Perspektif Golongan Subaltern. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. Volume 21, 125-148.
- Siti Khairiah Mohd Zubir dan Norol Nizam bin Sarkawi. (2011). Pemikiran pengarang dalam novel Jeriji Kasih karya Ramlah Abdu Rashid. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. Volume 17, 147-169.
- Siti Khairiah Mohd Zahir dan Nur Aisyah Abdullah. (2014). Pemikiran Khadijah Hashim dalam novel Badai Semalam dan Laila Gadisku untuk membangunkan sahsiah belia. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*. Volume 5, 140 -165.
- Siti Zamrah Isa dan Che Ibrahim Hj Salleh. (2014). Pemikiran Za'ba dalam membentuk jati diri Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 2(2), 21-29.
- S. Othman Kelantan. (1999). *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. (1989). *Pemikiran sosiopolitik Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim. (2015). Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam Puisi Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 3(2): 121-129.

